

# 16 KONSEP KATA KERJA TRANSITIF DAN TAK TRANSITIF SECARA EKSPLISIT DALAM PEMBELAJARAN MURID-MURID DARJAH 3

Mohamad Zareen Mohamed Shariff  
zareen\_shariff@moe.edu.sg

Milahwati Bte Hussain  
milahwati\_hussain@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Loyang

## ABSTRAK

Kaedah yang disarankan dalam pengajaran tatabahasa untuk murid darjah rendah buat masa kini ialah pengajaran secara implisit. Oleh itu konsep tatabahasa tidak diterangkan secara terperinci dan tuntas di peringkat awal. Guru berpendapat cara terbaik untuk mengajar tatabahasa adalah dengan cara eksplisit dari peringkat awal lagi. Pendedahan ini akan membolehkan murid memahami konsep tatabahasa dan mengukuhkan lagi pemahaman mereka di peringkat selanjutnya. Satu kajian tindakan dalam pengajaran tatabahasa iaitu konsep kata kerja transitif dan tak transitif secara eksplisit telah dijalankan dalam pembelajaran murid Darjah 3. Perbandingan terhadap pemahaman murid dalam pembelajaran melalui kaedah implisit dan eksplisit telah dilakukan. Konsep tatabahasa telah diperkenalkan sepintas lalu dalam pengajaran secara implisit tetapi telah diterangkan dengan terperinci dalam pengajaran eksplisit yang disertakan dengan aktiviti-aktiviti yang merancah dan membina pemahaman murid tentang konsep tatabahasa yang diterangkan. Dapatan kajian ini membuktikan pemahaman murid terhadap pembelajaran konsep tatabahasa yang diajarkan secara eksplisit lebih baik daripada pembelajaran yang dialami secara implisit.

### **Kata kunci**

Eksplisit, Implisit, Konsep Tatabahasa



## **PENGENALAN**

Pengajaran tatabahasa telah diajar secara implisit bagi murid-murid darjah rendah. Pendedahan pada konsep-konsep tatabahasa disentuh sepintas lalu dalam pengajaran supaya murid tidak dibebankan dengan konsep-konsep tatabahasa yang agak sukar untuk mereka fahami. Tambahan lagi berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan, pengajaran secara eksplisit dapat membantu murid mencapai kelakonan yang baik dalam pelajaran. Keprihatinan Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah Loyang berpendapat pendedahan awal murid kepada konsep-konsep tatabahasa dapat membantu murid dalam pembelajaran. Dalam kajian ini, khususnya kata kerja transitif dan tak transitif akan membolehkan murid memahami konsep tatabahasa dan mengukuhkan lagi pemahaman mereka di peringkat selanjutnya. Guru akan memudahkan konsep tatabahasa dalam pengajaran dengan mengenalkan definisi dan aplikasi penggunaannya. Langkah ini diharapkan dapat memberikan contoh yang baik dan dapat difahami murid dengan mudah. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan sebagai langkah pertama yang dapat diperbaiki untuk mengajar pelajar tentang pengajaran secara eksplisit yang bersifat sistematik, membimbing murid dan dapat diterapkan di seluruh peringkat darjah satu hingga enam.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah seperti berikut:

1. menilai keberkesanan pengajaran tatabahasa secara eksplisit; dan
2. mengajar konsep tatabahasa secara eksplisit di peringkat Darjah 3.



## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Mempelajari bahasa secara eksplisit merupakan satu pengalaman baharu bagi murid Darjah tiga. Ini disebabkan, murid belum pernah didedahkan dengan kaedah ini. Sejak dari darjah satu, murid telah didedahkan dengan pengajaran bahasa secara implisit. Dalam kajian ini, pembelajaran bahasa murid akan berfokus kepada golongan kata. Golongan kata yang akan diperkenalkan kepada murid ialah Kata Kerja. Pemilihan ini dilakukan kerana kata kerja akan diuji dalam komponen imbuhan dan Prosedur Cloze. Maka itu murid perlu memahami takrif dan penggunaan kata kerja yang tepat. Murid juga perlu membezakan antara kata kerja transitif dan kata kerja tidak transitif.

Guru perlu memastikan perancangan pengajaran mengikut objektif pengajaran dan mengambil kira pengetahuan sedia ada dan tahap kesediaan murid serta menyusun pelajaran agar penerangan diberikan secara jelas, teratur dan sistematik. Penyusunan aktiviti pengajaran agar dapat merangsang minat murid untuk terus mengikuti pelajaran. Pelaksanaan juga perlu memastikan murid terlibat dalam proses pembelajaran secara aktif.

## **KAJIAN LEPAS**

Menurut Rosenshine (1997), pengajaran secara eksplisit merupakan kaedah pengajaran yang berstruktur, sistematik dan melibatkan pengajaran yang menekankan kepada penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa melalui penyertaan aktif dalam proses pembelajaran. Tambahan lagi, berdasarkan penyelidikan yang dilakukan penyelidik dalam kaedah pengajaran secara eksplisit terdapat beberapa ciri-ciri persamaan yang dapat membantu murid dalam pembelajaran yang dilaksanakan secara eksplisit.

Briner (1999) berpendapat pengetahuan murid perlu dibina berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada, mengaplikasikannya kepada situasi baru dan mengintegrasikan pengetahuan baharu yang diperoleh dengan binaan intelektual yang sedia wujud. Ini mengukuhkan lagi dapatan bahawa pengajaran



bahasa perlu diajarkan secara eksplisit dan dibina untuk memastikan penguasaan kemahiran dan pengetahuan bahasa.

Saranan yang dibuat oleh Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda 2010, Kementerian Pendidikan Singapura juga telah menyatakan bahawa pembelajaran bahasa yang berkesan dalam kalangan murid selalunya berlaku melalui Pengajaran Secara Eksplisit yang melibatkan kemahiran bahasa dan pengetahuan bahasa. Pengajaran Secara Eksplisit menyokong peringkat awal pembelajaran bahasa yang memerlukan murid menerima input asas yang mudah difahami dalam konteks yang sesuai dengan keupayaan diri dan sekitaran yang menggalakkan.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini memberi tumpuan kepada analisis data secara kuantitatif. Dapatan secara kuantitatif dihuraikan secara kualitatif.

### Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 36 orang murid Darjah tiga yang mempunyai kebolehan yang pelbagai. Murid ini mempunyai pengetahuan sedia ada tentang kata kerja tetapi tidak diajar secara eksplisit semasa mereka berada dalam Darjah Satu dan Darjah Dua.

### Instrumen Kajian

Murid-murid menduduki praujian setelah guru mengajar konsep kata kerja transitif dan tak transitif secara implisit. Setelah pengajaran tatabahasa secara eksplisit dijalankan, murid menduduki pascaujian. Markah yang diperoleh dalam kedua ujian ini dibandingkan untuk melihat keberkesanan pengajaran tatabahasa secara eksplisit.

### Prosedur Kajian

Guru akan melaksanakan pengajaran secara eksplisit dengan menggunakan kaedah lima peringkat yang diperkenalkan Pusat Bahasa Melayu Singapura, CPDD. Kelima-lima peringkat tersebut adalah Peringkat Pengenalan, Peringkat Penerangan, Peringkat



*Modelling*, Peringkat Latihan dan Peringkat Penutup. Murid akan menjalani kelima-lima peringkat ini untuk memastikan proses pembelajaran dapat dilaksanakan secara optimum dan berkesan.

Guru telah mengajar konsep kata kerja transitif dan tak transitif secara tidak langsung. Guru telah mendedahkan murid kepada konsep kata kerja transitif dan tak transitif tanpa penerangan terperinci. Setelah itu murid diberikan latihan untuk mengenal pasti jenis kata kerja yang terdapat dalam 10 ayat. Markah yang diperoleh murid diambil sebagai data praujian. (Lampiran 1)

Dalam pengajaran seterusnya, guru telah mengajar konsep kata kerja transitif dan tak transitif dengan menggunakan kerangka pengajaran eksplisit seperti berikut.

### Peringkat Pengenalan

Pengajaran ini dimulakan dengan guru menunjukkan sampul surat berwarna yang mengandungi kata kerja berikut; *menyikat rambut, menyapu lantai, mencuci pinggan, menangis, berlari dan berenang* . Beberapa orang murid dikehendaki melakonkan kata kerja-kata kerja berikut sementara rakan-rakan lain meneka lakonan mereka. Langkah ini bertujuan untuk mencungkil pengetahuan sedia ada murid tentang kata kerja.

Seterusnya guru mengenalkan objektif pembelajaran yang melibatkan dua komponen penting yang akan dipelajari murid:

1. Kemahiran bahasa : Dalam kajian ini, bertutur telah dipilih sebagai kemahiran bahasa yang dapat mengukuhkan pemahaman murid tentang konsep kata kerja transitif dan tak transitif.
2. Pengetahuan bahasa: Pengajaran kata kerja menjadi fokus. Pemahaman terhadap konsep kata kerja transitif dan tak transitif serta penggunaannya dalam ayat menjadi fokus kajian ini.



### Peringkat Penerangan

Guru menunjukkan slaid tentang kata kerja dan menerangkan definisi kata kerja kepada murid. Guru menunjukkan gambar-gambar yang menunjukkan kata kerja dan menyuruh murid memberikan respons (Lampiran 2). Guru menerangkan konsep kata kerja transitif dan tak transitif dengan memberikan beberapa contoh-contoh yang sesuai. Guru juga telah mendapatkan contoh selanjutnya daripada murid-murid (Lampiran 3). Guru juga telah menerangkan pentingnya memahami konsep kata kerja transitif dan tak transitif untuk meningkatkan kosa kata mereka dan dapat digunakan dalam ujian karangan dan lisan.

### Peringkat Modelling

Guru memberikan contoh-contoh kata kerja transitif dan tak transitif yang lain untuk mengukuhkan lagi pemahaman murid tentang konsep yang diajar. Setelah itu murid dikehendaki memberikan contoh-contoh yang sesuai secara lisan.

### Peringkat Latihan

Dalam peringkat latihan, murid akan menjalani latihan terbimbing dan juga latihan sendiri. Ini dilakukan untuk memastikan murid dapat mengukuhkan lagi pemahaman tentang kata kerja transitif dan kata kerja tidak transitif.

### Latihan Terbimbing

Peringkat Latihan Terbimbing ada dua jenis.

#### 1. Latihan terbimbing secara kumpulan

Murid-murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. Setiap kumpulan mengandungi 4 orang. Guru menunjukkan slaid yang mengandungi beberapa kata kerja dan menyuruh mereka menyenaraikan kata kerja-kata kerja tersebut ke dalam kolum yang sesuai (Lampiran 4). Guru menyemak jawapan bersama murid dan membetulkan kesilapan yang terdapat dalam aktiviti kumpulan.



## 2. Latihan terbimbing secara berpasangan

Guru menyuruh murid menyenaraikan kata kerja yang terdapat di dalam lagu ‘Bangun Pagi’ (Lampiran 4). Guru menyemak jawapan bersama murid dan membetulkan kesilapan yang terdapat dalam aktiviti berpasangan.

### Latihan Kendiri

Guru memberikan murid latihan kendiri mengenai topik yang dipelajari iaitu mengenal pasti jenis kata kerja transitif dan tak transitif yang terdapat dalam ayat (Lampiran 4). Setelah itu guru menyemak latihan bersama murid. Markah yang diperolehi murid digunakan sebagai data pascaujian.

### Peringkat Penutup

Guru menggulung pengajaran dengan menyuruh murid menyingkap apa yang telah dipelajari dengan memberikan definisi kata kerja transitif dan tak transitif. Sebagai latihan pengukuhan, guru menyuruh murid membina ayat daripada kata kerja transitif dan tak transitif yang diberikan dalam buku rampaian.

## **DAPATAN KAJIAN**

Selepas melalui pembelajaran konsep kata kerja transitif dan tak transitif secara eksplisit, secara keseluruhan kelakonan murid dalam pascaujian lebih baik daripada kelakonan dalam praujian. Merujuk kepada Lampiran E, sebelum pengajaran secara eksplisit dilaksanakan hanya 22.2% murid yang mendapat 11-12 markah, diikuti dengan 44.4% murid mendapat 8-10 markah manakala 34.4% murid mendapat 5-7 markah. Peratusan ini adalah berdasarkan jumlah murid yang sebanyak 36 orang. Peratusan murid yang mendapat markah tertinggi amatlah sedikit. Keprihatinan awal guru-guru tentang pencapaian murid amat ketara.

Setelah pengajaran bahasa yang dijalankan secara eksplisit dijalankan, satu ujian pasca pengajaran telah dijalankan. Dapatan prapengajaran mendapati 61.1% murid mendapat 11-12 markah,



diikuti dengan 30.5% murid mendapat 8-10 markah manakala 8.4% murid mendapat 5-7 markah. Berdasarkan ujian yang dijalankan, terdapat peningkatan 39.1% murid mendapat 11-12 markah. Pada peringkat 5-7 markah terdapat penurunan sebanyak 26%. Sila lihat Jadual 1 bagi pencapaian murid.

Jadual 1: Pencapaian Murid

<b>Murid</b>	<b>Markah Praujian (12)</b>	<b>Markah Pascaujian (12)</b>	<b>Peningkatan Markah</b>
1	7	11	3
2	8	10	2
3	6	7	1
4	8	10	2
5	8	8	0
6	7	9	2
7	9	11	2
8	10	12	2
9	11	11	0
10	12	12	-
11	12	12	-
12	8	11	3
13	6	9	3
14	6	6	0
15	8	11	3
16	7	12	5
17	12	12	-
18	12	12	-
19	9	9	0
20	6	8	2
21	9	11	2
22	12	12	-
23	10	12	2
24	8	11	3
25	9	11	2
26	10	12	2
27	6	9	3
28	7	7	0





29	7	8	1
30	6	8	2
31	12	12	-
32	11	12	-
33	9	11	2
34	8	12	4
35	8	11	3
36	7	9	2

<b>Julat Markah</b>	<b>Praujian</b>	<b>Pascaujian</b>	<b>Catatan</b>
<b>11-12</b>	8 (22.2%)	22 (61.1%)	% murid yang mendapat 8 markah ke atas meningkat sebanyak 25%
<b>8-10</b>	16 (44.4%)	11 (30.5%)	
<b>5-7</b>	12 (34.4%)	3 (8.4%)	
<b>Jumlah murid</b>	36	36	

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan dapatan ujian yang dijalankan setelah dan sebelum pengajaran diajarkan secara eksplisit dilaksanakan, guru bertambah yakin bahawa pengajaran konsep tatabahasa secara eksplisit dapat diajarkan kepada murid Darjah 3. Berdasarkan dapatan ujian, jelas membuktikan keberkesanan pengajaran tatabahasa secara eksplisit yang mampu meningkatkan pencapaian murid-murid berdasarkan markah-markah yang diraih sebelum dan sesudah pengajaran secara eksplisit dijalankan.



## RUJUKAN

Laporan Jawatankuasa Semakan Kurikulum dan Pedagogi Bahasa Melayu (2010). Kementerian Pendidikan (MOE)

Nik Safiah Karim (1997). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rosenshine, B. (1997). Advances in research on instruction (pp.197-221). Mahwah,NJ: Lawrence Erlbaum Associates.